

**Tokoh Pendidikan: Yang Di-Pertua Gabungan Majlis  
Guru Besar Malaysia**

Farah Lyana Binti Abdul Rahim  
Umi Nuryana Binti Khaled  
Nurussobah Hussin  
Wan Satirah Wan Mohd Saman  
Mohd Nazir Ahmad

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Angsa U10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah  
Alam Selangor

**Abstrak:** *Artikel ini berdasarkan sumber pertama iaitu sejarah lisan. Tokoh yang terlibat merupakan seorang yang amat disegani dalam bidang pendidikan iaitu Tuan Rustam Affandy bin Abdul Aziz. Terdapat pelbagai aspek yang diketengahkan di dalam artikel ini yang dapat dijadikan inspirasi dan merungkai pengalamannya sebagai seorang pemimpin. Objektif artikel ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang tokoh dan perjalanan kariernya sehingga menjadi Yang Di-Pertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia. Objektif yang kedua adalah untuk mengetahui sumbangan tokoh dalam bidang pendidikan dan anugerah yang telah dinobatkan kepada beliau. Objektif yang ketiga adalah untuk merungkai pengalaman tokoh sebagai seorang pemimpin. Dapatan kajian adalah dapat mengenali tokoh dengan lebih mendalam dan mengetahui perjalanan karier beliau. Tambahan, dapat mengetahui sumbangan dan penganugerahan sepanjang penglibatan beliau menjadi pemimpin. Akhir sekali, dapat merungkai pengalaman dan isu-isu yang diperjuangkan oleh tokoh.*

**Kata Kunci:** *Yang Dipertua, Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Rustam Affandy, guru besar, sumbangan, isu-isu, karier, pendidik, pemimpin, anugerah, perjuangan.*

## Pengenalan

Kepimpinan dalam sesuatu organisasi amatlah penting kerana ia membawa kuasa, dinamik dan kejayaan. Maka dalam proses kepimpinan ini wujudlah kosa kata memimpin dan pemimpin. Memimpin dan pemimpin merupakan dua perkara yang berbeza. Jika dilihat dari segi maksud pemimpin itu sendiri adalah seseorang yang berwibawa dan mempunyai pengaruh yang besar kepada masyarakat serta mampu membawa orang lain menjadi pengikutnya dalam mencapai sesuatu matlamat. Untuk menjadi seorang pemimpin perlulah berilmu, bermaklumat dan berintegriti. Manakala memimpin pula ialah apabila seseorang melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang ketua. Bersesuaian dengan kepimpinan ini maka tokoh yang telah dipilih merupakan seorang yang sangat hebat iaitu Yang Di-Pertua (YDP) Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Tuan Rustam Affandy bin Abdul Aziz. Sumbangan beliau dalam bidang pendidikan amat bermakna. Beliau yang telah dilahirkan pada 4 Oktober 1959 dan memilih kerjaya sebagai guru demi mendidik anak bangsanya. Bakal bersara pada tahun 2019 setelah berkhidmat dalam bidang perguruan selama 39 tahun. Penglibatan beliau bermula hanya seorang guru biasa ke jawatan penolong kanan dan kemudian dilantik menjadi guru besar. Bermulalah titik tolak sebagai YDP dari peringkat daerah, negeri sehingga kebangsaan yang telah mengubah perjalanan kerjaya beliau. Sepanjang perkhidmatannya itu, pelbagai sumbangan yang telah diberikan dan anugerah telah beliau perolehi.

Beliau merupakan seorang tokoh yang amat disegani dan dihormati dalam kalangan pendidik dan Pihak Kementerian. Banyak usaha yang telah dilaksanakan dalam memperjuangkan sistem pendidikan Malaysia dan menjaga kebajikan guru-guru besar Malaysia warga-warga pendidik serta pelajar-pelajar. Tuan Rustam Affandy merupakan seorang yang berdedikasi dan mempunyai visi dan misi yang jelas apabila menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Perjalanan karier beliau bermula dari seorang guru biasa sehingga berjaya menjadi Yang Di-Pertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia. Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia merupakan persatuan yang dikhasakan untuk semua Guru Besar Malaysia untuk bermuafakat dan bertukar pandangan dalam menyelesaikan isu-isu di sekolah dan ianya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (Rustam Affandy, 2019).

### Latar Belakang Tokoh

Bersesuaian dengan ketrampilannya dan keperibadiannya yang dapat kami lihat semasa menjalankan temu ramah pada 14 April 2019 di Sekolah Kebangsaan Jalan Pegoh, Ipoh melambangkan butir bicaranya seorang yang berilmu. Mutiara kata beliau amat bermakna iaitu "Tiket ke masa hadapan adalah melalui pendidikan. Insan yang bersiap sedia sejak hari ini akan memiliki hari esok". Itulah kata-kata yang diungkapkan oleh tokoh yang telah dipilih oleh kami iaitu Tuan Rustam Affandy. Nama penuh beliau ialah Haji Rustam Affandy bin Abdul Aziz dan beliau dilahirkan pada tahun 1959. Ketika ini, usia beliau bakal mencecah 60 tahun yang membawa makna tahun ini beliau akan bersara sebagai seorang pendidik. Beliau dilahirkan di Redang Panjang, Taiping Perak. Jawatan yang beliau sandang adalah sebagai Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Yang Dipertua Majlis Guru Besar Negeri Perak, Yang Dipertua Majlis Guru Besar Daerah Kinta Utara dan Guru Besar SK Jalan Pegoh.

Bapa beliau bernama Abdul Aziz bin Mohamad Siri. Bapa beliau meninggal dunia pada tahun 1994 dan merupakan seorang guru. Ibu beliau bernama Zawiyah binti Abdul Ghani dan telah meninggal dunia pada tahun 1966 semasa Tuan Rustam Affandy hanya berumur 7 tahun ketika itu. Beliau menjadikan bapanya sebagai idola dan sentiasa menjadi inspirasi kepada beliau dalam bidang kepimpinan. Sebelum menjadi seorang guru, beliau telah mendapat beberapa tawaran kerja antaranya ialah dalam bidang perbankan dan tawaran untuk berkhidmat sebagai Angkatan Tentera Malaysia. Tuan Rustam Affandy amat berminat menjadi seorang pegawai beruniform dan telah menghadiri temu duga. Namun, arwah bapa beliau telah memohon agar beliau menjadi seorang pendidik. Melalui nasihat dan inspirasi daripada arwah bapa, beliau melibatkan diri sebagai seorang guru. Tugas sebagai seorang guru ini telah membawa kepelbagaian kepimpinan mencorakkan hidup beliau sehingga hari ini.

Tuan Rustam telah berkahwin dan permaisuri yang bertakhta di hati beliau bernama Halimaton Suhaila binti Din. Isteri beliau merupakan seorang guru siswazah dan berumur 45 tahun. Isteri beliau telah melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Melayu Melaka dan di Universiti Sains Malaysia. Tuan Rustam

Affandy dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu dua orang perempuan dan seorang lelaki. Kesemua cahaya mata Tuan Rustam Affandy masih lagi belajar, anakanda sulung beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Mara, yang kedua berada di Institut Pendidikan Guru Malaysia anakanda bongsu beliau masih bersekolah dan berada di tingkatan lima.

### **Latar Belakang Pendidikan Tuan Rustam Affandy**

Pendidikan sememangnya sesuatu yang amat sinonim dengan karier beliau sebagai seorang pendidik. Semasa kecil, beliau tidak melalui pendidikan tadika kerana pada ketika itu masih belum wujud sistem pendidikan tadika. Namun begitu, beliau memulakan pembelajaran di tahun satu pada tahun 1966 dan bersekolah di Sekolah Kebangsaan Iskandar Shah Parit sehinggalah arwah ibu beliau meninggal. Selepas itu beliau berpindah ke Batu Gajah dan memulakan pelajaran darjah dua di Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Yussuf Batu Gajah dan bersekolah menengah di Sekolah Menengah Sultan Yussuf Batu Gajah sehingga tingkatan lima serta melanjutkan pelajaran tingkatan enam di Sekolah Menengah Anglo-Chinese School Ipoh. Beliau telah mendapat tawaran untuk menyambung pengajian profesional perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim pada tahun 1978. Pada tahun 2007, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang Pengurusan Pendidikan.


### **Perjalanan Karier Tuan Rustam Affandy**

Pada tahun 1980, beliau memulakan kerjaya sebagai guru biasa di Sekolah Kebangsaan Parit Perak Subjek yang diajar oleh beliau semasa menjadi guru biasa adalah guru Bahasa Inggeris. Kemudian, dari tahun 1981 hingga 1986 beliau Dilantik menjadi Setiausaha Penilaian Murid-Murid Tahun 5 pada tahun kedua beliau mengajar sehinggalah tahun keenam perkhidmatannya. Pada tahun 1986, beliau memohon untuk kenaikan jawatan Guru Penolong Kanan hasil galakan Guru Besar beliau ketika itu, iaitu Cikgu Ibrahim yang mendorong beliau untuk mengisi jawatan tersebut. Pada tahun ketujuh perkhidmatannya iaitu pada

tahun 1987, beliau telah dilantik sebagai seorang Guru Penolong Kanan. Beliau hanya menjadi seorang guru biasa selama enam tahun sahaja ketika sepanjang perkhidmatannya dalam bidang perguruan ini selama tiga puluh sembilan tahun. Pada ketika itu beliau merupakan antara Guru Penolong Kanan yang termuda di Malaysia. Pada tahun 1999, beliau mendapat kenaikan pangkat sebagai Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Tronoh. Beliau telah menjalankan khidmat sebagai seorang guru besar selama 20 tahun.


**Karier Sebagai Yang Di-Pertua Gabungan Majlis Guru Besar (GMGBM)**

Proses perlantikan berlaku apabila Yang Di-Pertua pada ketika itu bersara. Proses kenaikan pangkat kebiasaannya akan mengikut hierarki seperti berikut:



*Rajah 1: Proses Kenaikan Pangkat Mengikut Hierarki*

Perjalanan kenaikan pangkat Tuan Rustam Affandy sedikit berbeza daripada perlantikan sebelum ini. Berikut adalah rajah yang menunjukkan proses kenaikan pangkat beliau:



*Rajah 2: Menunjukkan Proses Kenaikan Pangkat Tuan Rustam Affandy*

Pada tahun 2009 di peringkat Kebangsaan, beliau telah dilantik menjadi Naib Yang Dipertua MGB Kinta Utara. Selepas tiga tahun, beliau dilantik menjadi Yang Di Pertua Majlis Guru Besar Kinta Utara iaitu pada tahun 2012. Di peringkat negeri pula, beliau telah dilantik menjadi Naib Yang Dipertua Majlis Guru Besar Perak pada tahun 2013. Kemudian, pada tahun 2015, beliau dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Guru Besar Perak. Pada tahun 2016 beliau dilantik sebagai Naib Yang Di Pertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia dan akhir sekali beliau dinaikkan pangkat menjadi Yang Di Pertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia pada tahun 2018. Begitulah perjalanan karier beliau sebagai Yang Di Pertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia.

### **Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia**

Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia ditubuhkan pada tahun 1982 dan telah berusia 37 tahun. Persatuan ini merupakan majlis permuafakatan di antara guru-guru besar seluruh negara. Fokus utama ialah berkongsi pengalaman mengajar demi kecemerlangan pendidikan murid-murid di sekolah. Kedua, sebagai satu majlis permuafakatan di kalangan guru-guru besar terutama isu yang berkaitan dengan perkhidmatan guru besar dan fungsi persatuan. Ketiga, persatuan ini bekerjasama untuk membantu pihak jabatan, pihak pejabat pendidikan daerah dan kementerian bagi merealisasikan visi dan misi pendidikan negara.

Terdapat pelbagai program yang dianjurkan oleh Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia sepanjang Tuan Rustam Affandy berkhidmat sebagai Yang Dipertua. Kebanyakan program merupakan idea daripada diri beliau sendiri. Program utama adalah dengan mengadakan konvensyen bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu ingin menambah baik sistem pendidikan negara. Guru besar haruslah sedar mereka berperanan untuk menjalankannya (Utusan Borneo Online). Program kedua adalah, mereka mengadakan kolokium dan perjumpaan bersama pihak luar. Program ketiga

adalah, Program Kepimpinan Alaf Baru di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pendidikan Alaf Baru diterapkan dalam program tersebut bagi memenuhi keperluan murid-murid. Selaras dengan arahan dari pihak kementerian iaitu memastikan murid sekolah rendah mampu mencapai tahap minimum bagi setiap mata pelajaran dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi.

### **Antara Isu yang Dikendalikan Semasa Menjadi Seorang Guru Besar**

Isu yang pertama ialah, cabaran untuk mendorong guru-guru untuk bekerja sebagai satu pasukan. Kemahiran daripada guru besar diperlukan untuk membimbing guru-guru supaya dapat bekerjasama sebagai satu pasukan demi kecemerlangan murid-murid di sekolah. Sebagai seorang guru besar, beliau dikehendaki turun padang bersama-sama dengan guru, bagi mendengar masalah mereka. Apabila beliau mendengar masalah guru, akan ada sikap toleransi di antara para guru. Isu yang kedua, ialah mengenai pelajar yang bermasalah. Apabila berhadapan dengan pelajar bermasalah, beliau perlu mengenalpasti punca permasalahan tersebut. Apabila telah dikenalpasti masalah tersebut, pihak sekolah akan pergi berjumpa dengan ibu bapa, berbincang dengan jawatankuasa Persatuan Ibu bapa dan Guru untuk memantau dan menyelesaikan hal-hal murid yang bermasalah ini.

Isu yang ketiga, ialah masalah keselamatan pelajar di sekolah. Beliau telah menyuarakan tentang keselamatan murid-murid di sekolah semasa konvensyen di Kuching. Murid-murid yang bersekolah di sekolah kerajaan akan diberi perlindungan insuran takaful. Jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini, mereka berhak membuat tuntutan. Isu yang keempat ialah, terdapat dalam kalangan guru yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan tidak amanah. Sebagai contoh, guru bimbingan mengaibkan pelajar dalam kalangan guru-guru. Setiap guru bimbingan perlu menandatangani perakuan bersama dengan guru besar bahawa semua sesi bimbingan adalah bersifat sulit. Guru bimbingan seharusnya merujuk kepada guru besar sahaja tentang isu dan masalah murid-murid.

### Sumbangan dan Anugerah yang Diperoleh

Antara sumbangan beliau ialah Program *Fun learning* bersama pihak Movie Animation Park Studio (MAPS). Sebagai Yang DiPertua Majlis Guru Besar Malaysia, Tuan Rustam Affandy telah bekerjasama dengan pihak Movie Animation Park Studio dengan mengadakan program 'fun learning' yang diistilahkan sebagai edutainment (Perak Today). Edutainment ialah 'education and entertainment' di mana tujuan program ini diadakan adalah untuk menarik minat pelajar sekolah rendah untuk belajar. Di Ipoh terdapat dua pusat edutainment iaitu di MAPS dan Lost World of Tambun. Manakala di ibu kota Kuala Lumpur terdapat beberapa pusat edutainment seperti KidZania, Menara Kuala Lumpur dan sebagainya. Menurut beliau, jika murid-murid ini di bawa ke pusat-pusat edutainment ini akan menambahkan keceriaan di samping meningkatkan pengetahuan mereka. Selain itu, pusat-pusat ini juga menyediakan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan.

Tuan Rustam Affandy mengatakan bahawa kadangkala masyarakat mempunyai persepsi yang kurang tepat terhadap pusat rekreasi, sebagai contoh pusat rekreasi Lost World of Tambun hanyalah merupakan pusat rekreasi air semata sedangkan Lost World of Tambun mempunyai mini zoo dan haiwan-haiwan eksotik yang sukar dijumpai. Selain itu, dari segi pembayaran tiket pelajar, Tuan Rustam Affandy memohon untuk tiket masuk ke pusat-pusat edutainment tersebut diberi harga yang berpatutan kepada murid sekolah. Pihak MAPS menawarkan harga istimewa untuk pelajar sekolah rendah, iaitu bayarannya hanya RM50. Di dalam bayaran RM50 itu, pihak MAPS ada juga menyediakan 'lunch box' untuk murid-murid tersebut. Bayarannya sangat berpatutan kerana harga tiket biasa boleh mencapai RM200. Menurut beliau lagi, pusat rekreasi Lost World of Tambun juga menawarkan pakej yang lebih kurang sama tetapi harganya dalam lingkungan RM60.

kenaikkan  
penolong  
Rustam  
Yang



Beliau juga telah memperjuangkan gred guru besar dan guru kanan. Semenjak Tuan Affandy dilantik sebagai DiPertua GMGBM, beliau



memberi fokus lebih kepada isu ini. Menurut Anuar Zulkifli, Tuan Rustam Affandy memperjuangkan kenaikan gred Guru Penolong Kanan sekolah rendah di mana gred hakiki mereka hanyalah DG32. Manakala Guru Penolong Kanan sekolah menengah pula, gred hakiki mereka ialah DG48 (Utusan Malaysia). Menurut Abd Mutalib (2017), apabila guru sekolah rendah dinaikkan pangkat menjadi guru besar, mereka hanya akan dinaikkan ke gred DG34 manakala guru di sekolah menengah akan dinaikkan ke gred DG52 (Berita Harian). Menurut beliau, ketidaksamarataan ini akan menyebabkan rasa kurang senang di kalangan guru-guru lepasan Institut Pendidikan Guru (IPG). Menurut beliau, walaupun guru tersebut mempunyai potensi dan berkomited, gred hakikinya masih rendah. Tuan Rustam Affandy menyuarkan isu ini di hadapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa beliau menghadiri Konvensyen dan Persidangan Majlis Guru Besar negeri Perak pada tahun 2017. Pada ketika itu, Yang Amat Berhormat memaklumkan bahawa isu ini akan dibawa ke mesyuarat jabatan kuasa kabinet, namun isu ini tergantung begitu sahaja.

Pada tahun 2018, sekali lagi beliau membawa isu ini kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia, iaitu Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik. Yang Berhormat berjanji akan melihat isu ini. Menurut L Manimaran, semasa Konvensyen dan Perwakilan GMGBM pada tahun 2019 di Kuching baru-baru ini, di hadapan Yang Berusaha Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, sekali lagi Tuan Rustam Affandy menyuarkan isu ini dan Ketua Pengarah Ketua Pelajaran Malaysia berkata *"it's a logical move"* (Berita Harian). Beliau berkata lagi, sepatutnya skim guru besar ini perlu diubah, kerana zaman kini tidak sama dengan apa yang ada pada zaman dahulu. Beliau berpendapat bahawa apabila sistem pendidikan berubah daripada yang lama kepada yang baru, maka skim perkhidmatan guru besar ini juga harus berubah. Kenaikan gred ini akan dijalankan sebaik sahaja Tuan Rustam Affandy bersara dan guru-guru besar Malaysia dapat dinaikkan gred DG52.

### **Anugerah yang Diterima oleh Tuan Rustam Affandy**

Sepanjang beliau berkecimpung dalam bidang pendidikan, beliau telah mendapat pelbagai anugerah. Antara anugerah yang beliau terima ialah Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang sebanyak tiga kali, dan yang terbaru adalah pada tahun 2018. Seterusnya, beliau mendapat Pingat Penghormatan Guru Daerah Kinta Utara pada tahun 2010. Beliau berkata anugerah Darjah Paduka Mahkota Perak yang diterima pada tahun 2007 merupakan anugerah yang paling diingati. Beliau juga telah mendapat anugerah Darjah Ahli Mahkota Perak pada tahun 2003.

### **Kesimpulan**

Tuan Rustam Affandy Abdul Aziz akan menamatkan kerjayanya dalam bidang pendidikan tidak lama lagi. Sebelum beliau menamatkan kerjaya beliau, pendidikan abad ke 21 akan diterapkan dalam sistem pendidikan. Beliau merupakan seorang penjuang didikan yang disegani dalam kalangan pemimpin. Berdasarkan pengalaman dan perjalanan hidup beliau, dapat dilihat bahawa beliau mempunyai nilai kesungguhan, nilai kepimpinan dan komitmen yang tinggi dalam setiap aspek kehidupan beliau. Pelbagai anugerah dan sumbangan yang telah beliau berikan bagi menaikkan sistem pendidikan Malaysia. Melalui program sejarah lisan ini beliau dapat dikenali dan menjadi inspirasi kepada generasi muda masa kini.

### **BIBLIOGRAFI**

- Anuarzulkifli, A. (2017, November 22). Kabinet kaji gred gaji guru besar, penolong kanan. Utusan Malaysia. Dikases dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kabinet-kaji-gred-gaji-guru-besar-penolong-kanan-1.557921>
- Abd Mutalib, Z. (2017, November 24). TPM terima laporan gred guru besar. Berita Harian. Diakses dari

<http://www.bhplus.com.my/berita/nasional/2017/11/354879/tpm-%20terima-laporan-gred-guru-besar>

MAPS Tawar Pakej Istimewa Untuk Murid Sekolah Rendah. (2019, January 16), Perak Today. Diakses dari <https://peraktoday.com.my/2019/01/maps-tawar-pakej-istimewa-untuk-murid-sekolah-rendah/>

Report on headmasters' grades given to DPM. (2017, December 02). The Star Online. Diakses dari <https://www.thestar.com.my/news/education/2017/12/03/report-on-headmasters-grades-given-to-dpm/>

Rustam Affandy Abdul Aziz. (2019, April 14). Personal Interview.